

BAB KELIMA

TEORI GELAGAT PENGGUNA.

5.1 KONSEP RASIONALITI DAN UTILITI.

Gelagat individu pengguna tidak dapat memisahkan diri daripada konsep rasionaliti dan utiliti. Gelagat pengguna yang rasional adalah individu yang pintar mengolah sumber-sumber ekonomi yang terbatas berbanding kehendak-kehendak manusia yang tidak terhad.

Konsep rasionaliti dalam teori gelagat pengguna adalah penting untuk menentukan perbelanjaan dari pendapatan yang terhad bagi mendapatkan kepuasan (utiliti) di dalam penggunaan sesuatu barangan dan perkhidmatan.¹ Pengguna yang sentiasa berusaha memaksimumkan utiliti dianggap pengguna yang rasional.² Mckenzie, mendefinisikan rasional sebagai,

Consistent behavior that maximizes an individual's satisfaction. dan Utiliti pula sebagai, *The satisfaction a person receives from the consumption of a good or service, or from participation in activity.*³

¹ Jamal Ali *et al.* (2000), *Prinsip Ekonomi*. Sintok Kedah : Penerbit Universiti Utara Malaysia, h. 112

² Ibid h. 113.

³ Mckenzie (1896), *Microeconomy*. Boston, USA : Houghton Mifflin Company, h. 113.

Utiliti yang hendak dimaksimumkan ini ialah utiliti individu manusia ekonomi, yang matlamat utamanya ialah mencapai tingkat kepuasan yang paling tinggi dan ianya digerakkan oleh nilai-nilai kewangan semata-mata.⁴

Teori gelagat pengguna juga menerangkan bagaimana seseorang pengguna memperuntukkan wangnya untuk mendapatkan kepuasan yang maksimum dalam konteks barangan yang terhad serta menyukat sesuatu kepuasan dengan menggunakan teori marginalis(sut) bagi mendapatkan utiliti pengguna secara jitu dalam unit-unit kardinal.⁵ Ini selaras dengan apa yang dinyatakan oleh Taussig.

Utiliti hanya boleh diukur dengan jumlah yang seseorang itu sanggup bayar untuk memiliki sesuatu barangan, dengan ini harga adalah menunjukkan utiliti.⁶

Pengguna mengikut teori ini akan mencapai keseimbangan apabila memaksimumkan utilitinya pada suatu kekangan pendapatan tertentu.

⁴ Prof. Madya Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1993), "Keperluan Masyarakat Kepada Sistem Ekonomi Islam", *Monograf Syariah*. Universiti Malaya : Penerbitan Fakulti Syariah Akademi Islam, h. 136.

⁵ Osman Rani Hassan (1987), *Kamus Istilah Ekonomi*. Petaling Jaya : Fajar Bakti, h. 276. Unit-unit kardinal ialah sesuatu unit yang boleh diukur atau boleh disukat yang menyerupai pendekatan utiliti marginal dan hipotesis utiliti marginal berkurangan.

⁶ F. W Taussig (1911), *Principles of Economics*, fourth edition. New York : The Macmillan Company, h. 106.

5.2 HOMO ECONOMICUS DAN KERASIONALAN EKONOMI.

Konsep rasional dan utiliti tertumpu kepada prestasi manusia ekonomi yang berhadapan dengan masalah kekurangan relatif. Ianya memerlukan kerasionalan yang tinggi bagi memastikan keadilan dan kecekapan dalam aktiviti penggunaan. Individu ekonomi juga dianggap rasional apabila kelakuannya selaras dengan satu set keutamaan yang sistematik iaitu memilih yang paling baik dan peluang yang paling utama.

Ini selaras dengan pandangan Handerson dan Quandt yang mengandaikan kerasioanaln berdasarkan kenyataan berikut:⁷

- 1) Bagi setiap pasangan pilihan yang ada misalnya A & B individu dapat menyatakan sama ada dia suka A berbanding B.
- 2) Hanya satu sahaja daripada kemungkinan tersebut benar untuk setiap pasangan pilihan.
- 3) Jikalau individu pilih A, berbanding B dan B berbanding C, maka dia akan gemar A berbanding dengan C. Kenyataan terakhir ini memastikan bahawa pilihan individu adalah konsisten atau transitif.

⁷ J. M Handerson dan Richard E. Quandt (1980). *Microeconomic Thoery : A mathematical Approach* third Edition. New York : McGraw-Hill, h. 5.

Jelas kepada ahli-ahli ekonomi penggunaan istilah rasional adalah agak khusus, iaitu individu dianggap rasional sekiranya dia mengarahkan kelakuannya selaras dengan satu set keutamaan yang sistematik, paling baik dan paling diutamakan.⁸

5.3 RASIONALISME DARIPADA PERSPEKTIF ISLAM.

Rasionalisme Islam adalah berasaskan akidah Islam yang bersumberkan Allah dan kitab yang satu. Gelagat pengguna muslim berorientasikan matlamat yang jelas untuk mendapat keredhaan Allah samada keberkatan di dunia dan balasan syurga yang abadi di akhirat. Rasionalisme Islam telah berjaya menyelesaikan masalah perlakuan yang gagal dilakukan rasionalisme ekonomi barat.⁹ Ini berdasarkan latar belakang sejarah *rasionalisme kapitalisme* yang memisahkan agama dan kehidupan atau dikenali sebagai *sekularisme*.¹⁰ Sedangkan sistem kapitalisme adalah sistem pengurusan ekonomi yang berdasarkan persaingan pasaran yang dikendalikan oleh pengeluaran, pengagihan dan pertukaran.¹¹ Namun sebaliknya rasionalisme Islam tidak mengabaikan kepentingan kehendak material, keperluan dan kepuasan manusia. Bahkan Allahlah yang mencipta dan menentukan kadar rezeki masing-masing serta memberi bimbingan yang diperlukan. Walaupun manusia terpaksa melandaskan hidup mereka kepada nilai-nilai Islam, ini tidaklah bermakna mereka tidak rasional pada pandangan barat.

⁸ Zakaria man (1986), "Kerasionalan Ekonomi : Homo Economicus lawan Homo Islamicus" (Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Kuliyyah Ekonomi, UIA Julai-Disember 1986), h. 6-7.

⁹ Khurshid Ahmad, (1991), *Kajian Dalam Ekonomi Islam*, Sibly Maros (terj.). Kuala Lumpur : Zizi Press Sdn. Bhd., h. 30.

¹⁰ Mahmud al-Khalidj (1986), *Hukum al-Islam ar-Ra'sumaliyyah*. Jordan : Maktabah al-Ijadith, h. 18.

¹¹ Alan Isaac (1998), *Oxford Paper Back, Encyclopedia*. New York : Oxford University Press, h. 251.

Kebanyakan ahli-ahli ekonomi seperti Muhammad Akram Khan,¹² Monzer Khaf¹³ serta Dr. Syed Othman al-Habsyi¹⁴ menolak serta menganggap tidak sah mengenai andaian-andaian (*economic man*) dalam kerasionalan ekonomi. Di antara asas-asas penolakan mereka ialah:¹⁵

1. Analisis ekonomi barat menafikan persoalan nilai, batas-batas agama dalam menentukan norma kedaulatan pengguna sehingga ia hanya bersifat kebendaan semata-mata. Inilah yang biasanya dikenali dengan istilah *hedonisme*. Matlamatnya pula boleh dicapai melalui kebebasan individu iaitu *liberalisme*, samada dari segi pemilikan, tingkahlaku, dan kebebasan bersuara (*freedom of speech*).¹⁶
2. Setiap individu dianggap giat memaksimumkan utiliti (kepuasan) mereka serta tindakan itu adalah rasional.
3. Islam menganggap manusia secara semulajadi berubah kelakuannya mengikut perasaan, keperluan, prasangka, *mood* dan lain-lain lagi. Mereka tidak konsisten dan sentiasa rasional sepanjang masa.
4. Prinsip tauhid sepatutnya menjadi prinsip konsisten dalam pembentukan manusia yang terbaik dalam mencari keredhaan Allah pencipta sebenar manusia.

¹² Muhammad Akram Khan (1985), *Challenge of Islamic Economic*. Lahore : Pakistan Islamic Education Congress, h. 25-32.

¹³ Monzer Khaf (1978), *The General Theory of Islamic Economy*. U.S.A : Muslim students Association of US and Canada, h. 15.

¹⁴ Prof. Dr. Syed Othman al Habshi (1987), "The role ethic in economic and business : Current issues and Challenges" (Seminar Ekonomi Islam, UIA, Kuala Lumpur, 6-9 Julai 1987).

¹⁵ Prof. Madya Dr. Ab. Mumin (1993), *op. cit.*, h. 136.

¹⁶ Hafizuddin (2001), *op. cit.*, h. 2.

5. Manusia ekonomi bersifat berkepentingan diri tanpa mengambilkira tingkah laku penggunaan dan pengeluaran pihak-pihak lain dalam masyarakat.

Jelaslah konsep rasionaliti dan utiliti hanya mengambilkira penglibatan secara sempit oleh manusia ekonomi bagi mencapai kepuasan kebendaan mereka. Soal-soal nilai (metafizik). kepentingan masyarakat tidak diutamakan. Lebih parah lagi ia tidak menerima asas ilmu ekonomi berdasarkan wahyu kecuali ilmu dari proses deduktif dan hipotisis akal semata-mata.¹⁷

5.4 KEHENDAK MANUSIA TIDAK TERBATAS DAN SUMBER-SUMBER TERHAD.

Kehendak manusia dalam ekonomi konvensional hanya tertumpu kepada satu sumber samada ia mendatangkan kepuasan atau tidak. Kepuasan dijadikan sebagai suatu ukuran kepada kegiatan ekonomi terutama dalam aktiviti penggunaan. Misalnya bagi individu yang mahu lebih banyak kehendaknya dipenuhi akan bersedia bekerja dengan lebih kuat serta memberi sumbangan yang produktif dalam pertumbuhan ekonomi. Oleh itu apabila sesuatu itu dipenuhi, kehendak lain pula akan tercetus. Kitaran ini berterusan sedemikian rupa, sepertimana kata Dewet dan Varma:¹⁸

“Selagi manusia itu masih hidup, kehendaknya tidak ada batas dan terus berkembang.”

¹⁷ Muhammad Akram Khan (1989), “Methodology of Islamic Economics”, dalam et al (ed) Aidit Ghazali *Reading in the concept and Methodology of Islamics*, . Kuala Lumpur : Pelanduk Publication, h. 52.

¹⁸ K. K. Dewet (1978), *Modern Economic Theory*. Singapore : Choice Books Ltd., h. 48.

G. Lipsey juga menyatakan:¹⁹

“Kehendak-kehendak yang boleh dipenuhi melalui penggunaan barangan dan perkhidmatan bolehlah dianggap sebagai tidak pernah puas (insatiable).”

Oleh kerana manusia mempunyai kehendak yang sentiasa tidak puas dalam sesuatu aktiviti penggunaan, tidak hairanlah istilah utiliti begitu mendapat tempat dalam sistem ekonomi konvensional, sehingga asas pemilihan sesuatu barangan bergantung kepada keupayaan menyediakan kepuasan kepada manusia, sebagaimana yang dijelaskan Osman Rani :

“keupayaan sesuatu barangan adalah untuk memuaskan kehendak manusia.”²⁰

Islam mengakui bahawa manusia mempunyai kehendak yang tidak terhad sebagaimana firman Allah S.W.T :

﴿إِنَّ الْإِنْسَانَ خُلِقَ هَلُوعًا﴾

Terjemahan: Sesungguhnya manusia itu dijadikan bertabiat resah gelisah (lagi bakhil kedekut).

Sūrah al Ma'arij (70): 19.

¹⁹ Richard G. Lipsey (1980), *An Introduction to positive Economics*, Fifth edition. London : Weidenfeld and Nicolson, h. 53.

²⁰ Osman Rani Hasan (1987), *op. cit.*, h. 273.

Bersifat resah gelisah membawa maksud tidak berpuashati dengan apa yang ada dan sentiasa mempunyai kehendak yang perlu dicapai. Ini diperkuatkan lagi dengan hadis yang bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud:

*Andaikata anak Adam mempunyai harta sebanyak dua lembah, maka dia akan mengharap untuk mempunyai harta sebanyak tiga lembah, demikian lah seterusnya. Tidak akan ada yang dapat memenuhi harapan anak Adam kecuali tanah dan Allah akan menerima taubat seseorang yang bertaubat.*²¹

Walaupun Islam mengakui kehendak manusia itu tidak terhad tetapi ia bukanlah untuk kepuasan kebendaan semata-mata. Ianya mestilah berasaskan keperluan dan berkepentingan awam *masalah*. Ini memberi kepuasan pengguna kepada individu dan masyarakat. Secara keseluruhan bagi pengguna muslim pula berhak memperolehi kepuasan di dunia dan di akhirat.

Ekonomi konvensional juga mengaitkan sumber ekonomi yang terhad sebagai punca wujud masalah ekonomi bukannya faktor lain, sedangkan Allah S.W.T mengingatkan dengan firmanNya :

وَإِنْ تَعَدُّوا نِعْمَةَ اللَّهِ لَا تُحْصُوهَا إِنَّ اللَّهَ لَغَفُورٌ رَحِيمٌ

Terjemahan: Dan jika kamu menghitung nikmat Allah (yang dilimpahkannya kepada kamu). tiadalah kamu akan dapat

²¹ Imām Muslim (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim bi syarḥi al-Imām Muḥyi al-Dīn al-Nuri*, jil 7-8. Beirut : Dārul al-Ma'rifah, h. 140.

menghitungnya satu persatu; sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

Sūrah al- Nahl (16): 18.

Maksud ayat di atas, jelas bahawa ekonomi Islam menolak punca masalah ekonomi dikaitkan dengan terhadnya sumber-sumber tetapi ketidakmampuan manusialah sebagai punca kerana gagal mengeksploitasi sumber-sumber yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T dengan banyaknya.

5.5 MENENTUKAN JUMLAH PERMINTAAN.

Dalam ekonomi konvensional, kehendak manusia dalam memenuhi keinginan ekonomi melebihi dari keperluan sebenar yang diperlukan. Keadaan ini seterusnya menyebabkan sumber ekonomi yang ada diguna dengan banyaknya bagi mengeluarkan barangan termasuk barangan yang tidak begitu penting seperti barangan *tarāfiyah*. Ini merupakan pembaziran yang ditegah oleh Islam,²² sebagaimana firman Allah:

وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تَبْذِرْ تَبَذِيرًا
إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيْطَانِ ط وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا

Terjemahan: Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah

²² Zakaria Man (1989), "Definisi, masalah dan keralionalan" (kursus Ekonomi Islam anjuran Kajian Pengurusan dan Perniagaan , di Pusat Sumber Pembelajaran dan Penyelidikan UiTM Shah Alam 1989). h.5

engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.

Sūrah al-Isra', 17 : 26 – 27

Justeru itu individu Muslim sewajarnya menentukan jumlah permintaan yang selaras dengan kehendak Islam. Mun'im berpendapat²³, permintaan dan keperluan setiap orang terhadap sesuatu barangan dapat dikenal pasti dengan mengetahui jumlah barangan yang hendak dibeli dengan harga yang mampu dibayarnya, contohnya seseorang akan membeli 3 kilo pisang jika harga RM5 sekilo, tetapi dia akan membeli 2 kilo jika harga RM7 dan hanya sekilo sahaja jika harga RM10. Dari keterangan ini kadar permintaan tidak boleh ditentukan jika tidak mengetahui harga. Permintaan akan berubah apabila harga berubah. Iaitu permintaan akan meningkat apabila harga rendah, semakin kurang permintaan apabila harga tinggi.

Pengguna Muslim berkeupayaan mencorakkan pasaran dengan menyediakan keperluan barangan dan perkhidmatan yang benar-benar diperlukan. Lebih-lebih lagi pengguna Muslim memiliki kuasa beli secukupnya untuk menampung keperluan sendiri disebabkan kefahaman syariah yang menganjurkan kesederhanaan dalam perbelanjaan.²⁴ Pengaruh Islam kepada pengguna Muslim memberi kesan positif terhadap pengguna untuk

²³ Dr. Muhammad Abdul Mun'im al-Jamal (1992). *Ensiklopedia Ekonomi Islam*, Salahuddin Abdullah (terj.). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 567.

²⁴ Yusuf al-Qaradawi (1998). *Peranan Nilai Dan Akhlak dalam Ekonomi Islam*. Kuala Lumpur : ABIM, h. 324.

merancang bagi menentukan jumlah permintaan yang berbentuk keutamaan, keperluan ataupun tambahan.

Dalam konteks ekonomi Islam juga, pengguna Muslim dikehendaki membuat pertimbangan antara pendapatan dan perbelanjaan, supaya tidak terdedah kepada budaya berhutang. Walau pun ekonomi konvensional mengasaskan permintaan berdasarkan permintaan berkesan iaitu status ekonomi dan wang sebagai sokongan bagi sesuatu permintaan. Justeru golongan berada lebih berkemampuan untuk membuat permintaan. Keadaan ini berbeza dengan ekonomi Islam yang mengutamakan keperluan berkesan bukannya permintaan berkesan. Ini disokong lagi oleh langkah kerajaan Islam dalam menentukan objektif perancangan ekonomi dengan penuh sedar seperti berikut:²⁵

- 1) Memastikan individu pengguna menerima sejumlah pendapatan yang mencukupi bagi menampung keperluan hidup yang sederhana.
- 2) Pengguna barangan ekonomi dan kepuasan yang diprolchi tidak dijadikan matlamat
- 3) Setiap individu pengguna berbelanja bagi mendapatkan barangan ekonomi yang secukupnya.

Jelaslah bahawa penentuan jumlah permintaan bagi sesuatu barangan dalam ekonomi bergantung kepada keupayaan sebenar individu pengguna dan langkah yang praktikal oleh negara yang mengamalkan dasar syariah yang sebenarnya.

²⁵ Muhammad Najetullah Siddiqi (1978), *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka., h. 78-79.

5.6 MOTIF DAN MATLAMAT PERLAKUAN PENGGUNA.

Sistem ekonomi kapitalis mendapati bahawa untuk menjamin kehidupan ekonomi yang tersusun dan mantap, tiga unsur berikut yang sepatutnya menjadi motif dan matlamat perlakuan pengguna:²⁶

- 1) Keuntungan peribadi menjadi matlamat.
- 2) Persaingan menjadi cara.
- 3) Kebebasan menjadi syarat.

Keuntungan peribadi dianggap sebagai matlamat kerana menurut sistem itu, manusia tidak akan bekerja kecuali apabila dia mempunyai kepentingan peribadi dalam pekerjaan. Kepentingan ialah mendapat untung bagi menampung perbelanjaan hidup mereka. Sekiranya masih ada lebih perbelanjaan akan digunakan untuk tabungan bagi dimanfaatkan pada masa tidak mampu bekerja lagi seperti sakit atau untuk membeli peralatan baru bagi mengusahakan aktiviti ekonomi yang baru.

Ekonomi kapitalis menganggap persaingan sebagai jalan untuk mencapai sistem ekonomi yang sihat, kerana mengikut sistem ini, manusia didorong oleh nalurinya dalam kebanyakan tindakan lebih daripada daya fikirinya. Manusia, pada pendapat mereka, selalu menurut runtunan perasaan dan sentiasa memerlukan persaingan bagi mencapai sesuatu

²⁶ Al-Lababydi (1986), *Islamic Economics : A Comparative study*. Lahore : Islamic Publication, h. 13.

yang lebih baik. Ini menyebabkan seseorang itu bekerja dengan lebih keras, bebas dan aktif.

Begitu juga aspek kebebasan dianggap sebagai syarat untuk kemajuan ekonomi. Tanpanya keuntungan peribadi gagal dicapai kerana tidak ada daya penggerak dan nilai persaingan.²⁷ Demikianlah pendapat penulis-penulis ekonomi Islam seperti Sobri Salamon.²⁸

Muhammad Akram Khan²⁹ dan Irfan ul-Haq³⁰ menyatakan bahawa matlamat serta motif pelakuan pengguna dalam kegiatan ekonomi adalah untuk mencapai kesejahteraan dan kemenangan di dunia dan akhirat. Matlamat ini merujuk kepada pencapaian konsep *al-falāḥ*. Matlamat *al-falāḥ* memberi penekanan kepada matlamat akhir dalam setiap aktiviti ekonomi untuk mencapai keredaan Allah s.w.t dan *al-falāḥ* disisinya seperti yang dinyatakan oleh Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi dalam karyanya ialah :³¹

Allah s.w.t telah mencipta harta semata-mata untuk tujuan manusia memenuhi keperluan supaya seseorang itu akan berupaya melaksanakan ibadat kepada Allah s.w.t. Jika manusia tidak mempunyai, misalnya makanan dan minuman yang sempurna, seseorang itu mungkin tidak berupaya melaksanakan ibadat. Lantaran ini, kita dapat katakan bahawa

²⁷ Ibid, h. 13.

²⁸ Dr. Sobri Salamon (1989), *Ekonomi Islam : Pengenalan Sistem dan Kemungkinan*. Selangor D. E : Al-Rahmaniah, h. 26.

²⁹ Muhammad Akram Khan (1983), *Issues in Islamic Economics*. Lahore : Islamic Publications Ltd. h. 14.

³⁰ Irfan ul-Haq (1996), *Economics Doctrines of Islam : A Study in the Doctrines of Islam and Their Implications for Poverty, Employment and Economic Growth*. Virginia : The International Institute of Islamic Thought, h. 87.

³¹ Muhammad Zakariyya al-Kandahlawi (t.t) *Faḍa'il Ṣadaqāt*, Lahore : Kutub Khana Faizi, h. 1.

perolehan harta itu bukanlah matlamat sebenarnya, tetapi sekadar wasilah kepada matlamat.

Apa saja objektif yang hendak dicapai dalam kegiatan ekonomi adalah tertakluk kepada matlamat yang tertinggi iaitu *al-falāḥ*. Dengan ini, keseluruhan matlamat perusahaan ekonomi mestilah diselaraskan dengan matlamat *al-falāḥ* di sisi Allah s.w.t *al-falāḥ* adalah merupakan pencapaian insan Muslim yang paling tinggi dan ia merujuk kepada kejayaan dan kebahagiaan untuk kedua-dua urusan kebendaan dan kerohanian.³²

Pencapaian *al-falāḥ* ini tertakluk sepenuhnya kepada kesediaan manusia melaksanakan segala suruhan Allah s.w.t dan Rasulnya serta bersedia pula untuk meninggalkan segala larangannya.

5.7 PENENTUAN PEMILIHAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN.

Ekonomi konvensional menentukan pemilihan barangan berdasarkan kepentingan gelagat individu itu sendiri. Sifat *individualistik* dalam ekonomi menjadi asas pemilihan kepada barangan yang benar-benar memberi kepuasan yang tinggi, di samping barangan itu sendiri mempunyai nilai harga di pasaran.³³ Kepentingan umum dapat dijamin melalui mekanisme

³² Ibid, h. 2.

³³ Norizan Mohammad (2000), *Ekonomi Islam*. Shah Alam : Biroteks UiTM Shah Alam, h. 4.

pasaran dengan berpandukan penglibatan kerajaan yang minimum melalui konsep *self-interest* beserta dengan konsep *utilitarianism* sebagai fitrah manusia sejagat.³⁴

Berasaskan keadaan ini, pilihan barangan dalam ekonomi konvensional tertumpu kepada pencapaian kepuasan maksimum melalui kuasa membeli yang ada.³⁵ Selanjutnya perkhidmatan ditakrifkan sebagai sebarang kegiatan ekonomi yang mengeluarkan *output* bukan dalam bentuk barangan yang dapat memberi kepuasan kepada pengguna atau boleh membantu mempertingkatkan kecekapan pengeluaran barangan.³⁶

Dalam ekonomi Islam penilaian barangan dan perkhidmatan adalah berasaskan matlamat individu Islam itu sendiri, iaitu bermatlamatkan *al-falāḥ*, pengabdian diri atau memenuhi tanggungjawab sebagai khalifah Allah.³⁷

Dalam proses membuat pilihan barangan dan perkhidmatan, Islam mementingkan konsep prihatin *altruism* iaitu mengambil berat terhadap orang lain. Ianya bermaksud, seseorang pengguna sanggup berkorban untuk memenuhi keperluan orang lain di samping memenuhi keperluan diri sendiri. Ia juga merupakan satu bentuk kepuasan bagi pengguna muslim. Lantaran itu pengguna akan menunaikan kewajipan sedekah, memberi hadiah, zakat kepada golongan yang memerlukannya. Elemen-elemen kebajikan tersebut digunakan untuk meningkatkan keseimbangan ekonomi masyarakat. Ini dapat mengawal jurang

³⁴ Saiful Azhar Rosly (1986), "Penggunaan" (Kursus Jangka Pendek Ekonomi Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Julai-Disember 1986), h. 12

³⁵ Ibid.

³⁶ Leonard S. Silk (1980), *Contemporary Economics : Principles and Issue*, USA : Mc Graw Hill, Inc., h. 13.

³⁷ Saiful Azhar, *op. cit.* h. 10.

pendapatan di antara pengguna tersebut dengan masyarakat. Langkah ini penting bagi Islam membuat pilihan barangan dan perkhidmatan supaya tidak ada golongan yang tidak berkemampuan terbiar kelaparan.³⁸

5.8 PERKARA-PERKARA YANG MEMPENGARUHI GELAGAT PENGGUNA.

Dalam konteks penggunaan, permintaan mengikut ekonomi konvensional dipengaruhi oleh beberapa faktor. Faktor-faktor ini dapatlah diringkaskan seperti berikut:³⁹

- i) Harga barangan itu sendiri.
- ii) Citarasa dan pilihan pengguna.
- iii) Pendapatan pengguna.
- iv) Harga barangan lain yang berkaitan.
- v) Perubahan agihan pendapatan.
- vi) Saiz dan struktur penduduk.
- vii) Polisi kerajaan.
- viii) Faktor musim.
- ix) Kadar bunga.

Seperti yang telah dibincangkan dalam bab 3 yang lalu, ekonomi Islam meletakkan garis pemisah antara kehendak dan keperluan. Keutamaan dalam ekonomi Islam ialah

³⁸ Syed Omar Syed Agil, "Rationality Economic Theory : A Critical Appraisal", dalam Sayyid Tahir et al. *Readings in Microeconomics : An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd., h. 39. Lihat juga Timur Kuran (1996). *Sistem Ekonomi Dalam Pemikiran Kontemporari dan Alternatif Ekonomi Islam*, Jomo K.S. (terj.) Kuala Lumpur : DBP, h. 4.

³⁹ Leonard S. Silk, *op. cit.*, h. 41.

memenuhi keperluan dan bukan memenuhi kehendak seperti yang dianjurkan dalam ekonomi konvensional. Dalam rangka memenuhi keperluan, tidak dinafikan bahawa kebanyakan perkara-perkara yang tersenarai di atas turut mempengaruhi corak penggunaan seorang pengguna Muslim. Misalnya kadar bunga yang diharamkan oleh Islam tidak lagi mempengaruhi permintaan seseorang Muslim. Menurut Monzer Kahf, perlakuan ekonomi pengguna Muslim adalah dipengaruhi oleh beberapa prinsip umum berikut:⁴⁰

5.8.1 Keyakinan Kepada Hari Akhirat.

Gelagat pengguna yang yakin dengan janji Allah tentang ada kehidupan selepas mati akan merancang masa kehidupan melibatkan dunia dan akhirat. Kehidupan sebelum dan selepas kematian sentiasa berkait rapat dan saling memberi kesan antara satu sama lain. Kesan di dunia ialah nilai faedah atau utiliti dapat dinikmati oleh pengguna serta merta. Sementara di akhirat utiliti yang tertanggung yang disediakan Allah melalui kegunaan alternatif seperti menderma, zakat dan membelanjakan wang kepada mereka yang memerlukan.

5.8.2 Konsep Kejayaan Dalam Islam

Tindakan individu pengguna dalam memperolehi kejayaan dalam ekonomi adalah bergerak atas landasan mencari keredaan Allah semata-mata. Aktiviti-aktiviti ekonomi yang dilaksanakan dianggap amanah dan tanggungjawab yang mesti dilaksanakan. Justeru itu

⁴⁰ Monzer Kahf (1992), "A Contribution to the Theory of Consumer Behaviour in Islamic Society", dalam Sayyid et al. *Readings in Microeconomics : An Islamic Perspective*. Kuala Lumpur : Longman Malaysia Sdn. Bhd., h. 92.

kemajuan material yang diperolehi mengandungi nilai moral yang tinggi dari seorang hamba kepada Allah.

5.8.3 Konsep Harta Dalam Islam

Prinsip ini, melihat harta sebagai anugerah dan amanah daripada Allah s.w.t maka ia mesti dibelanjakan dengan tujuan yang murni dan bukan untuk dibekukan. Dengan ini, penggunaan dalam Islam tidaklah sekadar membeli barangan dan perkhidmatan yang menghasilkan kepuasan segera dalam kehidupan dunia malah turut mengambil kira perbelanjaan yang akan menambahkan kepuasan di akhirat. Ini ekoran dari kedudukan harta itu yang merupakan satu kurniaan Allah s.w.t. yang perlu dibelanjakan dengan baik bagi kebaikan diri, keluarga serta hak-hak yang telah ditentukan Allah.

5.8.4 Konsep Barangan Dan Perkhidmatan.

Konsep barangan dan perkhidmatan menjadi asas penting kepada penghidupan gelagat individu Muslim. Pemilihannya mestilah mengambil kira sama ada halal atau haram. Barangan penggunaan perlu diperolehi secara halal dan penggunaannya tidak dihalang oleh hukum. Hakikat barangan itu tidak memudharatkan pengguna dan secara tidak langsung kepada aspek rohani manusia. Larangan secara langsung ialah sesuatu yang memudharatkan moral dan rohani kerana terlibat dengan perbuatan yang dianggap syirik.

Walau bagaimana pun kelonggaran diberi ketika terpaksa *dharūrat* iaitu dibenarkan barangan haram digunakan hanya setakat yang diperlukan sahaja.⁴¹

Aspek lain juga turut menjelaskan bahawa perbezaan antara ekonomi konvensional dan ekonomi Islam di mana dalam ekonomi moden, setiap barangan adalah mempunyai utiliti sekiranya ia boleh dipertukarkan dalam pasaran. Dalam Islam, walau pun aspek penerimaan pasaran ini perlu namun ia masih belum memenuhi syarat untuk digolongkan dalam definisi barangan kerana untuk menghasilkan utiliti ekonomi, barangan mestilah juga mempunyai manfaat pada diri barangan berkenaan dari segi moral selain daripada boleh dipertukarkan di pasaran.

5.8.5 Etika Dalam Penggunaan.

Etika penggunaan Islam adalah penting dalam membina gelagat pengguna yang harmonis. Ini adalah kerana Islam merupakan gabungan nilai-nilai hidup yang bersifat kebendaan dan kerohanian. Al-Qur'an menjelaskan bahawa segala kekayaan yang dinikmati oleh manusia adalah kurniaan Allah. Ini berdasarkan firman Allah s.w.t.:

﴿اللَّهُ الَّذِي سَخَّرَ لَكُمْ الْبَحْرَ لِتَجْرِيَ الْفُلُكُ فِيهِ بِأَمْرِهِ ۖ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ
فَضْلِهِ ۗ وَلِعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿١٣﴾ وَسَخَّرَ لَكُمْ مَّا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي
الْأَرْضِ جَمِيعًا مِّنْهُ ۗ إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَاتٍ لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ ﴿١٤﴾﴾

⁴¹ M. A. Manan (1991), *Islamic Economics : Theory and Practice*. Lahore : Sh. Muhammad Ashraf Printing Press., h. 80-81.

Terjemahan: Allah yang memudahkan laut bagi kegunaan kamu, supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahNya, dan supaya kamu mencari rezeki dari limpah kurniaNya, dan juga supaya kamu bersyukur. Dan Ia memudahkan untuk (faedah dan kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan yang ada di bumi, (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya; sesungguhnya semuanya itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kaum yang memikirkannya dengan teliti.

Sūrah al-Jaathiyah (45) : 12-13.

Dalam ayat di atas memberi gambaran bahawa, Allah s.w.t tundukkan penciptaan langit dan bumi bagi kemudahan serta keperluan hidup manusia. Ia menekankan aspek *syukūr* dan *kufūr* dalam menikmati segala anugerah Allah s.w.t. Malah dalam sūrah yang lain Allah s.w.t dengan tegas menyebut:

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ^ط وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras".

Sūrah Ibrahim (14) : 7.

Imam al Maḥāllīy dan Imam al-Ṣayūṭī⁴² dalam menjelaskan pengertian kalimah *syūkūr* dalam ayat di atas menyebut maksudnya sebagai 'menjalankan ketauhidan dan ketaatan' manakala kalimat *kufūr* bermaksud 'keingkaran dan kedurhakaan'. Dalam merealisasikan

⁴² Iman Jalal al-Dīn Muḥamad al-Muḥallīy bin Aḥmad dan Iman Jalal al-Din Abd.Rahman al-Suyūṭīy b. Abu Bakr., (1990). *Tafsīr al-Jalālain*, vol. 2. Bandung : Penerbit Sinar Baru, h. 1022.

tuntutan kedua-dua kalimah di atas, setiap penggunaan pengguna muslim mestilah terikat dengan kod etika yang digariskan oleh Allah s.w.t dan Rasulullah s. a.w.

5.9 PERLAKUAN PENGGUNA

Berasaskan perkara-perkara yang mempengaruhi gelagat pengguna muslim terdiri daripada unsur-unsur yang dibincangkan di atas, maka seseorang pengguna muslim sudah semestinya akan mencorakkan perlakuan penggunaan serta memperuntukkan perbelanjaan pendapatannya dengan cara yang berbeza dari seorang pengguna yang lahir dalam budaya kepenggunaan ekonomi konvensional. Ahli-ahli ekonomi Islam seperti M. Fahim Khan⁴³,

Monzer Kahf⁴⁴, Muhammad Nejatullah Siddiqi⁴⁵, Asad Zaman dan lain-lain bersetuju bahawa seseorang Muslim dalam kehidupan ekonominya akan memperuntukkan perbelanjaan dari pendapatannya kepada dua bentuk seperti berikut :

- i) Untuk memenuhi keperluan kebendaannya serta keluarga.
- ii) Untuk memenuhi keperluan orang lain kerana Allah s.w.t.

⁴³ M. Fahim Khan (1995), *Essays in Islamic Economics*. United Kingdom : The Islamic Foundation, h. 1990.

⁴⁴ Dr. Monzer Kahf (1992), "Some notes on teaching economics in an Islamic framework" dalam Sayyid Tahir et al *Readings in Microeconomics : An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur : Longman Malaysia sdn. Bhd., h. 1-23.

⁴⁵ Ibid, h. 1-23.

Imam al-Razi⁴⁶ dengan jelas menyatakan bahawa harta mesti dibelanjakan sama ada untuk manfaat sendiri atau untuk manfaat orang lain. Peruntukan perbelanjaan antara (i) dan (ii) di atas adalah ditentu oleh :

- i) Beberapa parameter yang menentukan corak penggunaan untuk seorang pengguna yang rasional.
- ii) Darjah ketakwaan kepada Allah s.w.t.

Peranan taqwa dalam perbelanjaan pendapatan seorang muslim adalah jelas seperti yang dinyatakan dalam al-Qu'rān:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِيْهِ ۚ وَلَا تَمُوْتُوْاۤ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُّسْلِمُوْنَ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Sūrah al-Imran (3) : 102.

Berdasarkan maksud ayat dia atas, ternyata perbelanjaan di jalan Allah s.w.t terutamanya zakat yang difardukan, adalah antara keperluan untuk menjadi seorang perlakuan pengguna muslim yang baik.

⁴⁶ Fakhruddīn al-Rāzī (1992), *'Alnafs wa al-rūh wa sharḥ Quwāhuma'*, Mohd Saghīr Hasan Ma'sumi(ed). India : Kiatab Bahavan, h. 198.

Meskipun al- Qur'an dan al-Sunnah tidak menyebut secara khusus batasan tertinggi untuk perbelanjaan di jalan Allah, tetapi dibayangkan dengan satu kadar yang minimum iaitu kadar zakat yang telah ditetapkan pada individu muslim yang layak. Ini bertepatan dengan firman Allah:

وَالَّذِينَ فِيْ اَمْوَالِهِمْ حَقٌّ مَّعْلُوْمٌ ﴿٢٤﴾ لِّسَالِيْلٍ وَّالْمَحْرُوْمِ ﴿٢٥﴾

Terjemahan: Dan mereka (yang menentukan bahagian) pada harta-hartanya, menjadi hak yang termaklum - Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta).

Sūrah al-Ma'aarij (70) : 24-25.

Satu aspek lagi yang penting berkaitan dengan perlakuan pengguna muslim ialah rasional. Aksiom kerasionalan pengguna muslim tidak memadai dalam bentuk andaian sepertimana yang berlaku dalam ekonomi konvensional. Ia adalah berkaitan dengan sifat-sifat yang murni yang perlu ada pada seorang pengguna Muslim. Sifat-sifat ini perlu diusahakan oleh pengguna tersebut melalui usaha-usaha pembinaan diri dengan sifat-sifat yang mulia tersebut. Iman al-Ghazali⁴⁷ dalam 'Ihya' 'ulūm al-dīn' amat memberi perhatian kepada aspek ini. Sifat-sifat ini termasuklah sifat Qanā'ah bagi golongan tidak berada, sifat dermawan bagi golongan berada dan menjauhkan diri dari sifat bakhil dan israf dalam semua keadaan. Islam mengajar umat ini bagaimana hendak berbelanja dan ke mana hendak diarahkan perbelanjaan tersebut. Tentang perkara ini, al- Quran menyebut:

⁴⁷ Muḥammad al-Ghazali (1981), *Islam dan Peringkat-peringkat Ekonomi*, Ismail Mohd Hassan(terj.). Terengganu : Yayasan Islam Terengganu, h. 99-243.

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا
مَّحْسُورًا

Terjemahan: Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu di lehermu, dan janganlah pula engkau menghulurkannya dengan schabis-habisnya, kerana akibatnya akan tinggalah engkau dengan keadaan yang tercela serta kering keputusan.

Sūrah al-Israa' (17) : 29.

Prof. Hamka⁴⁸ mengulas ayat di atas dengan meletakkan sifat bakhil dan boros tercela dan membawa keburukan pada diri sendiri. Bakhil menimbulkan kebencian dan tersisih dari masyarakat. Boros pula menjadi petanda bahawa hidup seseorang tidak menentu, melarat dan kekayaan yang diperolchi tidak diberkati.

Dalam semua ketetapan syari'ah berhubung dengan penggunaan seorang muslim, batasan yang paling jelas ialah 'jangan menggunakan barangan yang dilarang dan guna hanya barangan yang dibolehkan'. Dengan andaian hal-hal lain tidak berubah (*ceteris paribus*). kedudukan ini akan mengecilkan jumlah penggunaan seorang Muslim berbanding-dengan pengguna sekular.

⁴⁸ Prof. Dr. Hamka (1983), *Tafsir Al Azhar* juz. 2. Jakarta : Penerbit Pustaka Panjimas., h. 51.


5.10 MATLAMAT PENGGUNA DALAM ISLAM.

Menurut Monzer Kahf,⁴⁹ matlamat pengguna dalam Islam merangkumi dua perkara iaitu :

- a) Keupasan dari penggunaan barangan dan perkhidmatan.
- b) Kejayaan di akhirat.

Jika kita mengubahsuai pendapat Monzer Khaf di atas dengan menganggap kehidupan dunia sebagai barangan dunia dan kehidupan akhirat sebagai barangan akhirat maka keseimbangan pengguna dalam ekonomi Islam bolehlah digambarkan seperti rajah berikut:

Rajah 5.9.1 Pemaksimuman Keupasan Pengguna Muslim.



Sumber : Monzer Kahf (1992), "Some notes on teaching economics in an Islamic framework" dalam Sayyid Tahir et al *Readings in Microeconomics : An Islamic Perspective*, Kuala Lumpur : Longman Malaysia sdn. Bhd., h. 1-23.

⁴⁹ Monzer Kahf (1980), *op. cit.*, h.19.


Rajah di atas menunjukkan kepuasan pengguna Muslim tercapai pada titik E di mana wujud keseimbangan antara kehidupan dunia dan akhirat.

Menurut Dr. Anas Zarqa,⁵⁰ matlamat pengguna dalam Islam ialah untuk memaksimumkan pahala berpandukan syariah. Pencapaian matlamat memaksimumkan pahala tertakluk kepada 3 syarat berikut :

- a) Penggunaan mestilah disertai niat kerana Allah. Tanpa niat tiada ganjaran pahala.
- b) Penggunaan mestilah menurut susunan kepentingan dan keperluan barangan iaitu barangan *ḍarūriyyāt*, *taḥṣīniyyāt* dan *kamāliyyāt*.
- c) Penggunaan mestilah seimbang dan sederhana, kerana perbelanjaan berlebihan akan mendatangkan keburukan.

⁵⁰ Muhammad Abdul Mun'im Ghafar (1985), *Iqtisād al-Islam*. Jeddah : Darul al-Bayan al-Arabi, h.217.

Rajah 5.9.2 Model Penggunaan Anas Zarqa



Sumber : Muhammad Abdul Mun' im Ghafar (1985), *Iqtisād al-Islam*. Jeddah : Darul al-Bayan al-Arabi, h.217.

Dalam Model Anas Zarqa di atas, paksi menegak OP1 menunjukkan tingkat-tingkat pahala dari aktiviti penggunaan. Paksi mendatar OC menunjukkan tingkat-tingkat penggunaan. Garisan OC1 menunjukkan sempadan penggunaan barangan *darūriyyāt* dan C1C2, sempadan permulaan penggunaan barangan bersifat *Hajiāt* . C2C3 ialah jumlah penggunaan atas barangan *taḥsīniyyāt* dan *kamāliyyāt*. Penggunaan melebihi C3 ialah merupakan satu pembaziran iaitu haram. OD ialah paksi negatif menunjukkan tingkat-tingkat dosa apabila pengguna menolak syariah sebagai panduan hidup.

Rajah berkenaan menunjukkan :

- a. Penggunaan oleh individu tanpa niat kerana Allah, ianya tidak diterima dan tidak akan mendapat sebarang pahala. Ini ditunjukkan di sepanjang paksi mendatar OC iaitu C1 C2 C3.
- b. Apabila penggunaan diniatkan kerana Allah, maka pengguna akan menerima pahala dari Allah s.w.t sebagai contoh, pengguna akan memperolehi pahala apabila penggunaan OC1,C2 dan disertai dengan niat iaitu di P1,P2,P3 dan P4.
- c. Penggunaan OC1 dan C2, adalah terhadap barangan *ḍarūriyyāt* dan *hajiyyāt*. Pengguna di peringkat ini akan membelanjakan kesemua pendapatannya untuk memenuhi keperluan asas tersebut.
- d. Namun demikian, antara tingkat pengguna C2C3 bagi barangan *taḥsīniyyāt/kamāliyyāt*, pengguna mempunyai pilihan untuk mengurangkan penggunaan dengan tujuan melakukan amal jariah untuk memperolehi pahala yang besar. Ini adalah tingkat keimanan pengguna yang tinggi kerana berkorban untuk masyarakat. *Trade-off* antara penggunaan dan pengorbanan ini dilihat disepanjang kelok P3T3,P4T4, P5T5. Umpamanya, di kelok P4T4, pengguna akan menerima pahala sejumlah OP sekiranya tingkat penggunaan sama dengan P4. Tetapi sekiranya individu tersebut mengurangkan penggunaan ke tingkat P3 di mana lebih pendapatan dibelanjakan ke jalan Allah maka pahala yang diperolehi ialah OM. Dengan itu, pergerakan ke atas di sepanjang kelok P4T4 menunjukkan peningkatan keimanan dan takwa ataupun pencapaian ke arah *an-nafs-mutmainnah*. Penjelasan yang sama terdapat di kelok P3T3 dan P5T5.

- e. Kemungkinan terdapat individu yang malas, bakhil ataupun sengaja menjauhkan diri dari memenuhi keperluan asas walaupun berkemampuan. Ini adalah perbuatan berdosa dan ditunjukkan oleh kelok CIFI. Pergerakan ke bawah di sepanjang kelok ini, mencerminkan peningkatan dosa. Ini dapat dilihat melalui pergerakan ke atas kelok FICI.

Secara ringkas, model ini berupaya menerangkan berbagai-bagai gelagat pengguna berasaskan matlamat memaksimumkan pahala. Penggunaan di tingkat P1, P2, P3, P4, P5 dan di sepanjang kelok P3T3, P4T4, P5T5 menunjukkan sikap rasional pengguna Islam ini. Model ini mampu membebaskan pendekatannya dari membuat andaian yang tidak realistik dan berupaya menjelaskan apakah sepatutnya rupa bentuk gelagat pengguna Islam sebenarnya.

5.11 KEPENTINGAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SERTA CAMPURTANGAN KERAJAAN.

Dalam sejarah ekonomi terdapat dua pandangan ekstrim tentang campurtangan kerajaan dan kebebasan individu di dalam urusan sesuatu ekonomi. Pandangan ekstrim yang pertama melihat persoalan ekonomi tidak perlu langsung kepada campurtangan kerajaan dengan membiarkan individu bebas bertindak mengikut kepentingan masing-masing. Golongan ini mewakili sistem ekonomi bebas atau *laissez faire*.⁵¹ Pandangan ekstrim

⁵¹ Perkataan *Laissez faire* adalah merujuk kepada dasar yang diasaskan pada campurtangan yang paling minimum daripada pihak pemerintah dalam urusan ekonomi sesebuah masyarakat. Sila lihat Osman Rani Hasan (1987). *Kamus Istilah Ekonomi*, Petaling Jaya : Fajar Bakti sdn. Bhd., h. 130

kedua berpendapat pihak pemerintah mempunyai kuasa penuh terhadap segala keputusan dan perjalanan sesebuah ekonomi. Golongan ini mewakili sistem ekonomi sosialis.⁵²

Kedua-dua sistem ekonomi tersebut mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam merencana pembentukan gelagat individu ekonomi. Sistem kapitalis yang bermatlamatkan kebendaan serta meletakkan manusia sebagai mesin tidak lagi memikirkan unsur-unsur sebenar yang ada pada manusia. Sedangkan manusia adakalanya melakukan aktiviti ekonomi kerana dorongan moral dan kerohanian.⁵³ Pertembungan sesama manusia akan berlaku apabila kebebasan mutlak wujud dalam individu ekonomi kapitalis. Ini selari dengan 3 doktrin utama sistem ekonomi kapitalis dalam menjamin tercapainya kehidupan ekonomi yang sihat di antaranya ialah.⁵⁴

- i) Keuntungan yang menjadi matlamat.
- ii) Persaingan menjadi cara.
- iii) Kebebasan sebagai syarat.

Pada umumnya doktrin di atas memberi kesan positif kepada sistem ekonomi kapitalis iaitu pertumbuhan ekonomi yang pesat akan berlaku tetapi persoalan keadilan dalam pemilikan, pengagihan, penggunaan dalam sesebuah negara masih terus dipertikaikan. Realiti berlaku di negara-negara maju yang berkiblatkan kapitalisme ialah berterusan

⁵² Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), "Kebebasan Individu dan Campurtangan Kerajaan Dalam Konteks ekonomi Islam", *Jurnal Syariah*, Jilid 7, Julai 1999, h. 125., Universiti Malaya : Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Islam Universiti Malaya.

⁵³ Hafizuddin Ibrahim (2001), "Kritikan Ke atas Sistem Ekonomi Kapitalis Dan Sosialis", *Jurnal Iqtisadunā*, Mei-Julai 2001. Kuala Lumpur : Forum Liwa' Ul-Haq., h. 8

⁵⁴ Al-Labābydi, *op. cit.*, h. 12

berlakunya masalah pengangguran, kemiskinan, ketidakseimbangan agihan pendapatan dan sebagainya.

Kecadaan semakin parah apabila sistem kapitalis juga telah membentuk gelagat individu masyarakat daripada satu sistem ekonomi yang dipertahankan oleh negara dan undang-undang. Pengaruhnya pula dikembangkan kepada negara lain sebagai satu sistem pendidikan ekonomi yang berpengaruh. Misalnya ketika Sosialisme dalam zaman kememasannya. Kapitalisme menjelma menjadi Sosialisme Negara dengan konsep keadilan sosial dan *welfare state*, hakikatnya kapitalisme masih tetap kapitalisme.⁵⁵

5.11.1 Campurtangan Kerajaan

Keperluan utama konsep campurtangan kerajaan dalam ekonomi Islam adalah untuk menjaga kepentingan individu dan masyarakat tanpa menafikan kebebasan ekonomi sebagaimana dalam sistem sosialis dan tidak pula membiarkan tanpa kawalan sebagaimana yang disarankan oleh sistem kapitalis. Kebebasan yang dimaksudkan ini merupakan kebebasan yang terkawal oleh akhlak dan syariah Islam. Kawalan syariah diperlukan sekiranya pihak-pihak tertentu atau individu dalam konteks pasaran misalnya, sudah melupai tanggungjawab mereka dan hanya mementingkan diri sendiri sahaja. Untuk menjamin kebebasan ini, Islam telah mengatur beberapa peraturan agar setiap urusanniaga yang dijalankan hendaklah atas asas kerelaan (suka sama suka) semua pihak, sebagaimana firman Allah:

⁵⁵ Hafizuddin Ibrahim (2001). *op cit.*, h. 8.

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ
تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya). kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Sūrah an-Nisaa' (4) : 29.

Muhammad Al-asal dan Dr. Fathī Ahmad memperjelaskan lagi peraturan kebebasan berekonomi seperti berikut :⁵⁶

- i) Aktiviti ekonomi itu mestilah selari dengan syariah atau tidak bertentangan dengan kehendak syariah. Umpamanya pengharaman riba, jual beli yang mengandungi al-gharār, penyalahgunaan kuasa untuk memperolehi harta, pemborosan dan kemewahan yang melampau dan menyimpanbeku atau menyorok harta.
- ii) Menjamin hak campurtangan kerajaan di dalam mengawasi aktiviti ekonomi individu dan merancang serta melaksanakan aktiviti ekonomi yang tidak mampu dilaksana oleh individu.

⁵⁶ Muḥammad al-'Assal *et al.* (t.t.). *Niẓām al-Iqtisād al-Islām : Mabādi 'uh wa aḥdāfuh*, cet. 3. Kaherah : Maktabah Wahbah. h. 71.

Mengikut Islam, pemerintah merupakan satu autoriti yang wujud dari kehendak masyarakat untuk menjaga segala hak dan kepentingan mereka. Bagi pemerintah melaksanakan tugas ini sudah pasti ia memerlukan kuasa terutamanya bagi mengawal peraturan-peraturan agama dan perjalanan pelaksanaan hukum tersebut supaya ia dihormati dan dipatuhi oleh masyarakat iaitu kuasa menghukum orang yang melanggar segala peraturannya.⁵⁷ Individu tidak boleh diberi hak untuk melakukan keganasan dan dalam apa jua keadaan pun, tidak dibenarkan untuk bertindak secara bersendirian dan mengganggu kebebasan serta harta benda yang lain.

Oleh itu, campurtangan kerajaan adalah amat perlu bagi menyekat atau mengawal bahaya-bahaya akibat dari penggunaan prinsip kebebasan individu dengan jalan yang salah. Sistem ekonomi Islam juga berpandangan bahawa peranan kerajaan itu wujud bersama-sama dengan unit-unit ekonomi lain dalam pasaran secara tetap dan berkekalan. Ianya dianggap sebagai perancang, pengawas dan pengeluar disamping sebagai pengguna.

5.11.2 Peraturan-peraturan Am Bagi Campurtangan Kerajaan.

Peraturan-peraturan umum bagi pihak berkuasa mengambil tindakan campurtangan termasuklah kaedah dan alasan-alasannya adalah seperti berikut.

⁵⁷ Ahmad Hamoud Al-Maamiry (1987), *Economics in Islam*. New Delhi : Lancers Books, h. 104.

1. Campurtangan itu dibuat dengan adanya autoriti pemerintah yang diwakilkan oleh masyarakat demi untuk menjaga keamanan dan kepentingan ahli-ahli masyarakat. Pihak pemerintah hendaklah bertindak dengan adil untuk mempertahankan kepentingan masyarakat selaras dengan prinsip-prinsip Islam.⁵⁸
2. Pengharusan Islam terhadap campurtangan kerajaan dalam hal ekonomi dikira sebagai satu pengecualian. Ini bermakna pengecualian ini hanyalah setakat mana diperlukan sahaja demi menjaga kemaslahatan awam.⁵⁹

Secara jelasnya mengikut Dr. Sobri Salamon bidang-bidang yang menjadi tanggungjawab kerajaan adalah seperti berikut :⁶⁰

- i) Skim jaminan sosial.
- ii) Agihan pendapatan.
- iii) Persamaan peluang.
- iv) Pengawasan pasaran.
- v) Memerangi riba, rasuah dan monopoli.
- vi) Polisi kerja dan upah.
- vii) Mobilisasi sumber alam.
- viii) Undang-undang dan peraturan.

⁵⁸ Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani, *op. cit.*, h. 131.

⁵⁹ Dr. Muhammad Faruq al-Nubhān (1986), *Abhath fī al-Iqtisād al-Islāmi*. Beirut : Mu'assasah al-Risalah, h. 232.

⁶⁰ Dr. Sobri Salamon, (1989). *op. cit.*, h. 20.

Keadilan, kesopanan dan kejujuran adalah merupakan syarat-syarat asas bagi sesuatu autoriti itu. Ini bagi menanamkan kepercayaan penuh individu terhadap apa-apa tindakan campurtangan kerajaan.⁶¹

5.11.3 Batas-batas Campurtangan Kerajaan

Walaupun kerajaan atau pihak berkuasa diberi hak untuk membuat segala peraturan dan campurtangan ke atas urusan ekonomi sesebuah masyarakat, namun ia tidak bererti bahawa kuasa ini tiada batasnya. Antara batas-batas yang dikenakan oleh Islam terhadap tindakan pemerintah dalam urusan campurtangan adalah seperti berikut:⁶²

- (i) Pemerintah walaupun diberikan kuasa campurtangan tetapi tidak boleh sampai menghalalkan apa yang terang-terang diharamkan oleh Allah dan begitulah sebaliknya.
- (ii) Campurtangan itu hendaklah melalui pendidikan tanpa paksaan. Tindakan paksaan adalah merupakan tindakan yang terakhir setelah lain-lain usaha yang dibuat menemui kegagalan.
- (iii) Batas-batas sampai ke mana dibolehkan campurtangan pemerintah ini sukar hendak ditentukan. Ia bergantung pada keadaan dan masa serta tempat itu. Kebiasaannya dilihat kepada darjah kepatuhan individu pada segala peraturan yang telah ditentukan.

⁶¹ Dr. Ab. Mumin Ab. Ghani, *op. cit.*, h. 132.

⁶² Dr. Ahmad Muhammad al-'Assal *et al. op. cit.* h. 71.

5.12 KESIMPULAN.

Dalam penggunaan, mengikut teori gelagat pengguna terdapat perbezaan ketara antara ekonomi konvensional berbanding dengan ekonomi Islam. Asas rasional dalam tindakan kegiatan ekonomi konvensional ialah kecekapan mengolah sumber-sumber untuk mendapatkan kebendaan sebanyak mungkin. Usaha ini dilakukan untuk memberi kepuasan manusia yang bergelar *economic man* yang rasional. Berbeza dengan kerasionalan Islam yang melihat kepentingan sumber perlu dibangunkan secepat mungkin mengikut kaedah yang terbaik, cekap dan memanfaatkan kebendaan untuk masalah kehidupan baik di dunia dan di akhirat. Unsur-unsur yang mempengaruhi gelagat pengguna dalam ekonomi moden ialah kepentingan diri, kepuasan kebendaan dan faktor-faktor yang mempengaruhi permintaan pengguna dalam pasaran ekonomi. Sedangkan dalam penggunaan Islam, aspek-aspek umum seperti konsep percaya alam akhirat, konsep harta dan kekayaan dalam Islam memberikan pengaruh yang realistik kepada pengguna muslim *Homo Islamicus*. Selanjutnya ruang kebebasan secara mutlak diberi kepada gelagat pengguna ekonomi konvensional tanpa perlu sebarang campurtangan kerajaan membolehkan ekonomi berkembang pesat tetapi hilang nilai-nilai kemanusiaan. Berbeza dengan kebebasan gelagat pengguna muslim, walaupun diberi pengiktirafan untuk bebas dalam kegiatan ekonomi tetapi terikat dengan batas-batas syariat dan kepentingan awam masyarakat.